

**ANALISIS MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) KELAS
PENGAJIAN MUALAF DI PUSAT PERLINDUNGAN BAITUS SALAM SELANGOR**

**Faezy Adenan
Mohd Afandi Mat Rani
Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif
Azri Bhari
Asmaa' Mohd Arshad
Siti Afifah Mat Rani
Universiti Teknologi Mara**

Abstrak

Pada tahun 2017, pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengambil alih pengurusan Pusat Perlindungan Muallaf (Baitus Salam) daripada Majlis Agama Islam Selangor. Objektif penubuhan Baitus Salam adalah sebagai pusat bimbingan fardu ain kepada mualaf serta memelihara akidah mereka dari dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu. Artikel ini bertujuan untuk melihat secara menyeluruh modul yang telah digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian mualaf di Pusat Perlindungan Baitus Salam Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan hasil daripada responden. Seramai 22 orang responden telah ditemubual dalam kajian ini. Temubual adalah bersifat in-depth interview dan structured-interview di mana temubual ini dijalankan dengan menggunakan panduan daripada borang soal selidik. Pemilihan responden adalah berdasarkan ciri dan kriteria yang telah ditetapkan mengikut kehendak kajian. Hasil dapatan kajian dianalisis bagi mendapatkan data demografi responden dan pandangan responden terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian saudara baru di Pusat Perlindungan Baitus Salam Selangor dengan menganalisis data berbentuk deskriptif. Kajian mendapati bahawa secara keseluruhan analisis awal berkaitan modul pengajaran dan pembelajaran di Baitus Salam berada pada tahap yang baik, namun perlu kepada beberapa penambahbaikan bagi memudahkan para pelajar memahami dan mengingat seterusnya mengamalkan ilmu-ilmu berkaitan agama Islam agar menjadi seorang Muslim yang terbaik.

Kata Kunci: modul, pengajaran, pembelajaran, mualaf, Malaysia

***ANALYSIS OF TEACHING AND LEARNING MODULES (P&P) OF MUALAF AT BAITUS
SALAM SHELTER, SELANGOR***

Abstract

In 2017, the Lembaga Zakat Selangor (LZS) took over the management of the Pusat Perlindungan Muallaf (Baitus Salam) from the Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). The objectives of Baitus Salam establishment are, to be as a fardu ain guidance centre for the converts and for the preservation of their faith from being distorted by other parties. This article aims to see in detail on the modules used in the teaching and learning (T&L) session of mualaf learning class at Pusat Perlindungan Baitus Salam Selangor. This study uses quantitative methods by using questionnaires as an instrument to obtain results from respondents. A total of 22 respondents were interviewed in this study by using in-depth interviews and structured

interviews. Selection of respondents based on the characteristics and criteria was defined in accordance with the requirements of this study. The results of the analysis were analyzed in order to obtain the demographic data and the opinions of the respondents on teaching and learning (T&L) of the converts study classes at Pusat Perlindungan Baitus Salam Selangor by analyzing descriptive data. The study found out that the overall initial review of the teaching and learning modules in Baitus Salam is at a reasonable stage, but requires some improvement to make it easier for students to understand and remember and then practice Islamic knowledge in order to be the best Muslim.

Keywords: Modul, Teaching, Learning, Convert, Malaysia

PENGENALAN

Dalam konteks Malaysia, golongan mualaf seringkali dipanggil dengan saudara baru atau saudara Muslim (Azman Che Mat, et al. 2019). Kebanyakan negeri di Malaysia, terminologi mualaf merujuk kepada orang yang baru memeluk Islam dan diberikan zakat kepadanya untuk mengukuhkan iman serta kehidupannya. Seksyen 108 Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Selangor) 2003 menjelaskan:

“Seseorang itu masuk Islam dan menjadi seorang Islam sebaik-baik sahaja dia habis mengucapkan dua kalimah Syahadah.....dan orang itu hendaklah selepas itu disebut sebagai seorang mualaf.”

Pada tahun 2007, Fatwa Negeri Selangor 2007 menetapkan mualaf ialah bermula dari tarikh pendaftaran Islam sebagaimana dalam dokumen pengesahan memeluk Islam. Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah membuat semakan semula dan mendapat persetujuan mufti di mana istilah mualaf bermula dari tarikh mualaf itu masuk belajar Kelas Fardhu Ain Mualaf di bawah Lembaga Zakat Selangor.

Golongan mualaf ini wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan. Nur A'thiroh (2005) dan Mawaddah et al., (2019) berpendapat bahawa agihan zakat kepada asnaf mualaf merupakan suatu mekanisme penting bagi memotivasikan serta menguatkan pegangan akidah Islamiyah yang baru dianuti serta menjadikan mereka rasa dihargai dan prihatin. Dengan pemberian zakat juga mampu mendorong untuk mengembalikan keyakinan terhadap Islam hasil daripada keprihatinan yang diberikan oleh umat Islam yang lain kepadanya.

Selain itu, sebagai sebuah instrumen kewangan, zakat juga berfungsi bagi pembangunan ekonomi dan sosial di dalam Islam. Dengan erti kata lain, selain daripada agihan secara langsung kepada mualaf, peruntukan zakat juga boleh dimanfaatkan bagi memenuhi keperluan jasmani, emosi, rohani dan intelektual para mualaf melalui pembangunan kurikulum pendidikan yang komprehensif dan bersepadu.

Kurikulum pendidikan khusus yang terancang khusus bagi golongan asnaf mualaf melalui pelaksanaan inisiatif bimbingan dan pemantapan akidah, berupaya untuk memelihara serta memantapkan lagi pegangan akidah mereka. Selain dari aspek ilmu asas fardhu ain, kurikulum pendidikan mualaf termasuk metode pengajaran dan pembelajaran juga perlu menyasarkan aspek sokongan sosio-ekonomi bagi bagi meredakan tekanan emosi, ekonomi dan kehidupan asnaf mualaf dan mempersiapkan mereka bagi menghadapi sebarang dengan cabaran pasca syahadah.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Nur A'thiroh & Fariza (2009), proses penukaran agama kepada Islam akan memberikan pelbagai cabaran psikologi kepada golongan muallaf dalam mengharungi kehidupan baru mereka di peringkat awal keputusan untuk memeluk Islam, peringkat pertengahan dan peringkat pengukuhan penghayatan ajaran Islam. Justeru itu, sokongan sosial yang jitu daripada masyarakat sekeliling khususnya pihak berwajib amat diperlukan bagi mengukuhkan lagi pegangan mereka terhadap Islam. Tanpa sokongan, muallaf akan terdedah kepada tekanan psikologi dalam menjalani tempoh transisi yang akan mengundang konflik sampingan (Mohd Zuhaili, 2019).

Menurut Schwarzer & Buchwald (2004) yang dipetik daripada kajian Faizah et al., (2018) menyatakan bahawa sokongan sosial adalah informasi yang membawa kepada individu mempercayai bahawa dirinya dihargai, dihormati dan disayangi. Sokongan, penerimaan, dan kerjasama yang kukuh dalam kalangan masyarakat amat penting bagi membantu golongan muallaf berdepan dengan pelbagai cabaran setelah memeluk Islam. Keperluan sokongan sosial ini membolehkan individu mencapai matlamat, memenuhi kehendak dan seterusnya memperoleh kesejahteraan hidup (Noranizah Yusuf, 2019).

Merujuk kepada Nurayuni Abdullah et al., (2019), program pendidikan yang khusus kepada golongan muallaf merupakan satu platform sokongan sosial yang amat penting untuk dimanfaatkan bagi tujuan membantu mereka meningkatkan tahap kefahaman mengenai agama Islam seterusnya berupaya mempraktikkan cara hidup Islam dalam kehidupan. Kenyataan ini disokong oleh Siti Fathimatul dan Nur A'thiroh (2015), yang mendapati bahawa hanya melalui medium pendidikan Islam secara formal, mampu meningkatkan pengetahuan agama Islam dalam kalangan muallaf. Namun begitu, perancangan kurikulum program pengajian muallaf perlu dibentuk dengan teliti bagi mendapatkan hasil pembelajaran yang optimum. Pihak-pihak yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan muallaf perlu memberi penekanan kepada tajuk-tajuk yang bersesuaian dengan tahap muallaf tersebut (Md Noor Hussin et al., 2019).

Kaedah pembelajaran juga perlu divariasikan selaras dengan perkembangan pendidikan abad ke-21 bagi menghasilkan kelas yang interaktif dan bersesuaian mengikut tahap pengetahuan dan pemahaman muallaf (Marlon Puntino et al., 2019). Sebagai contoh, pelaksanaan program Edu-Muallaf di Darul Ukhuwah dapat mengatasi kekangan yang dihadapi oleh para muallaf dalam proses pembelajaran ilmu asas fardu ain. Ianya berperanan sebagai alternatif bagi muallaf yang tidak dapat hadir ke kelas mingguan (Fatin Aliah et al., 2019).

Selain itu, penggunaan pendekatan cara pengajaran yang berasaskan kaedah elektronik dan telekomunikasi seperti penggunaan medium pembelajaran atas talian dapat membantu memudahkan pengguna khususnya golongan muallaf untuk mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan mudah (Hasanah Abd Khafidz et al, 2019).

Latar Belakang Baitus Salam

Baitus Salam adalah sebuah institusi pusat perlindungan muallaf yang bersifat sementara. Institusi ini berperanan sebagai pusat komuniti kepada muallaf yang mana mereka perlu dibangunkan jati diri dan didikan yang secukupnya berdasarkan garis panduan Islam dalam aspek keyakinan agama serta pelaksanaan praktikal Islam. Baitus Salam merupakan pusat transformasi muallaf dan menjaga kebajikan muallaf yang baru memeluk agama Islam. Penubuhan Baitus Salam, merupakan salah satu inisiatif yang bernas bagi memudahkan pembelajaran muallaf yang lebih efektif yang mana golongan muallaf diberikan pembelajaran bimbingan kerohanian terdiri daripada tiga orang kaki tangan dan para sukarelawan yang terlatih.

Baitus Salam adalah sebuah institusi pusat perlindungan muallaf yang sebelum ini ditadbir oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Pada tahun 1980, Majlis Agama Islam telah menyewa pusat perlindungan yang pertama di Seksyen 19, Shah Alam yang diselia oleh Unit Ukhuwah dan Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Seterusnya, Rumah Perlindungan Muallaf ini kemudiannya diselia oleh Bahagian Pembangunan Insan (MAIS) pada tahun 2005.

Pihak MAIS telah menyediakan pelbagai program melalui Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mualaf (BPPM). Ia adalah suatu inisiatif bagi meningkatkan kefahaman dan praktikal mualaf yang mana institusi ini dipertanggungjawab bagi merangka dasar pendidikan mualaf. Pada tahun 2011, Biro Pengurusan dan Pembangunan Mualaf (BPPM) telah mengemukakan cadangan pembinaan sebuah pusat bagi memberi perlindungan, penjagaan dan bimbingan kepada mualaf yang dinamakan Baitus Salam.

Melalui penyusunan dan pengurusan yang telah dibuat pada tahun 2014, Baitus Salam telah dibangunkan di Jalan Kebun, Klang di tapak seluas 2.9 ekar. Mula beroperasi pada tahun 2016 di bawah seliaan BPPM (MAIS). Bermula 1 April 2017, Pengurusan Baitus Salam diambil alih oleh Lembaga Zakat Selangor. Atas perkenan Tuanku Sultan Selangor, segala urusan mualaf diurus oleh Lembaga Zakat Selangor kecuali pengurusan pendaftaran mualaf. Seterusnya pada September 2017, pengurusan Baitus Salam (BS) memulakan operasi dengan konsep dan pengurusan yang baru.

Penubuhan BS adalah selari dengan tuntutan undang-undang berkaitan perlindungan mualaf seperti yang termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran bagi Mualaf (Negeri Selangor) 2009 pindaan 2013, iaitu tambahan perundangan bagi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [Enakmen no. 1/2003].

Peraturan 25 berkaitan dengan bantuan kepada mualaf menyatakan bahawa:

- (1) *Seseorang mualaf yang didaftarkan adalah layak untuk menerima bantuan dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis seperti yang berikut:*
 - (a) *pengislaman;*
 - (b) *berkhatan;*
 - (c) *kelengkapan ibadah; dan*
 - (d) *urusan pengkebumian jenazah.*
- (2) *Walau apa pun subperaturan (1), seseorang mualaf boleh memohon untuk mendapatkan bantuan yang ditetapkan oleh Majlis seperti berikut:*
 - (a) *bantuan bagi apa-apa pendidikan atau pengajian yang difikirkan perlu oleh Majlis, termasuklah pengajian Islam, akademik dan kemahiran;*
 - (b) *bantuan tempat tinggal;*
 - (c) *bantuan perubatan;*
 - (d) *bantuan perkahwinan; dan*
 - (e) *bantuan khidmat guaman.*
- (3) *Majlis boleh, menurut budi bicaranya, memberikan apa-apa bantuan lain yang difikirkan perlu.*
- (4) *Majlis boleh menetapkan apa-apa syarat kepada mualaf untuk melaksanakan apa-apa kewajibannya di bawah peruntukan ini.*

Peruntukan di atas secara jelas menyatakan hak mualaf untuk menerima atau memohon segala bantuan yang di perlukan seperti yang tertera. Peraturan 26 pula adalah khusus berkaitan dengan perlindungan mualaf yang menjadi bidangkuasa MAIS. Ia memperuntukkan bahawa:

“Majlis bolehlah menyediakan apa-apa bentuk perlindungan yang difikirkan perlu kepada mualaf.”

Peruntukan tersebut menyatakan bentuk-bentuk perlindungan yang wajar dan munasabah yang perlu disediakan kepada mualaf mengikut perkiraan MAIS. Seterusnya, Peraturan 27 pula memperuntukkan:

“Majlis hendaklah mengadakan apa-apa bentuk bimbingan yang sesuai untuk memberi pengetahuan dan meningkatkan kefahaman Islam kepada mualaf.”

Peruntukan dalam Peraturan 27 yang tersebut di atas adalah selari dengan kehendak seksyen 47 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, menerusi fatwa yang telah diwartakan bertarikh 25 Oktober 2007, perkara ke 2 yang menyatakan bahawa,

“Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) juga bertanggungjawab membiayai segala kos pembelajaran bagi mualaf-mualaf tersebut.”

Visi dan Misi

Pendidikan dan latihan praktikal amali memainkan peranan penting bagi pemerkasaan pemahaman mualaf di Malaysia. Tidak lengkap penubuhan organisasi tanpa wujudnya visi dan misi, visi dan misi penubuhan Baitus Salam adalah bagi menjadi pusat perlindungan dan pembangunan mualaf berteraskan Islam yang cemerlang di Malaysia serta memberikan perkhidmatan yang baik berkaitan perlindungan, bimbingan fardu ain, kaunseling dan kemahiran vokasional kepada golongan sasaran khususnya mualaf. Sekaligus dapat mencapai Objektif utama untuk:

1. Melaksanakan tuntutan Bahagian V Perkara 26 berkaitan Perlindungan Mualaf, Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran bagi Mualaf (Negeri Selangor) 2009 Pindaan 2013.
2. Sebagai pusat perlindungan mualaf yang disisihkan oleh keluarga dan saudara mara selepas memeluk Islam.
3. Sebagai pusat bimbingan fardu ain kepada mualaf.
4. Memberi ilmu vokasional kepada mualaf demi sosio-ekonomi yang lebih baik.
5. Menyusun semula hala tuju mualaf dari segi emosi dan sosial mereka bagi kehidupan yang lebih baik.
6. Memelihara aqidahnya dari dipesongkan oleh pihak-pihak yang tertentu

Sejajar dengan penubuhan Baitus Salam berfungsi untuk:

1. Memberi **perlindungan, pengajaran dan pembangunan diri** yang berkesan kepada Mualaf yang tidak terbelah.
2. Menjaga **kebajikan penghuni** pusat perlindungan dengan baik.
3. Melahirkan mualaf yang berilmu serta mampu berdikari dari aspek **agama, berkemahiran dan berkeupayaan berdakwah**.
4. Menjamin **keselamatan dan persekitaran yang sihat**, harmoni dan kasih sayang.
5. Mampu menjadi **daie / kader dakwah** dalam membangunkan Islam.

Isu dan Cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Baitus Salam

Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran di Baitus Salam. Isu dan cabaran ini boleh dikategorikan kepada beberapa aspek:

i. Tahap Pendidikan Mualaf

Berdasarkan kepada latar belakang pendidikan warga penghuni Baitus Salam terdapat pelajar yang tidak mampu untuk membaca dan menulis. Ini bermakna tahap pendidikan mereka agak rendah yang turut membantu menyukarkan lagi usaha untuk membangunkan pendidikan dan menambah baik pengetahuan agama Islam di kalangan mereka. Justeru, bagi membantu meningkat tahap kefahaman dan bimbingan kepada mualaf, metode pengajian dan pengajaran di Baitus Salam bukan sahaja di kalangan pembimbing, malah warden juga turut menjadi pembimbing di luar waktu pengajian. Hubungan yang baik dan

layanan yang mesra serta keprihatinan oleh guru pembimbing terhadap penghuni Baitus Salam menyebabkan muallaf berpuas hati dan disantuni.

- ii. Tempoh Pengajian dan tahap umur serta etnik dan kefahaman yang berbeza
Tempoh pengajian di pusat perlindungan Baitus Salam adalah 6 bulan sahaja. Berdasarkan kepada latar belakang pendidikan muallaf, tempoh tersebut tidak mencukupi, malah dalam sama yang sama tahap umur dan kefahaman Islam yang berbeza. Keadaan ini sangat menyukarkan para pembimbing untuk menyeragamkan sistem pengajaran dan pembelajaran di kalangan muallaf.
- iii. Ketiadaan Silibus dan Kurikulum yang khusus dan sistematik
Walaupun para pembimbing diberikan jadual pengajian berkaitan tauhid, fiqh, hadis dan sebagainya, namun silibus dan kurikulum yang sistematik masih belum diwujudkan dan sangat bergantung kepada kebijaksanaan para pembimbing. Para pembimbing dibekalkan dengan buku Kelas Fardhu Ain Muallaf (KFAM) yang tidak menjurus kepada keperluan pengajian di Baitus Salam.
- iv. Penguasaan Bahasa Melayu
Sebahagian besar penghuni Baitus Salam adalah berbangsa Cina dan India. Tahap penguasaan Bahasa Melayu agak lemah. Keadaan ini menimbulkan kesulitan kepada tenaga pengajar yang menggunakan medium Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran dan pendidikan. Terdapat komentar dari kalangan mereka bahawa bahasa penyampaian juga menjadi penghalang kepada mereka untuk lebih cepat memahami setiap mata pelajaran yang diajar.
- v. Kepadatan jumlah pelajar di dalam kelas pengajian
Dengan bilangan jumlah pelajar seramai 26 orang dan ditambah lagi dengan pelajar muallaf yang datang dari kawasan sekitar menyebabkan pengajaran pembelajaran tidak kondusif. Model terbaik dalam pendidikan dan pengajaran adalah secara bertalaqqi dengan jumlah pelajar yang tidak ramai atau sekitar 20 orang bagi setiap kelas.
- vi. Sikap Penghuni Baitus Salam
Terdapat segelintir pelajar di Baitus Salam yang tidak mempunyai matlamat yang jelas kemasukan mereka ke dalam agama Islam. Walaupun pelbagai kemudahan yang disediakan namun masih ada penghuni yang tidak mempunyai minat yang mendalam untuk belajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan hasil daripada responden. Seramai 22 orang responden telah ditemubual dalam kajian ini. Temubual adalah bersifat *in-depth interview* dan *structured-interview* di mana temubual ini dijalankan dengan menggunakan panduan daripada borang soal selidik. Pemilihan responden adalah berdasarkan ciri-ciri dan kriteria yang telah ditetapkan mengikut kehendak kajian. Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 26 bagi mendapatkan data demografi responden dan pandangan responden terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P) kelas pengajian saudara baru di Pusat Perlindungan Baitus Salam Selangor dengan menganalisis data berbentuk deskriptif.

Antara objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti modul pengajian sedia ada di Pusat Perlindungan Muallaf Baitus Salam, Selangor khususnya dan pusat pengajian muallaf di Malaysia amnya. Selain itu pada masa yang sama dapat menilai modul pengajian sedia ada dan diakhir kajian ini dapat mencadangkan pembangunan modul bersepadu pengajian yang sesuai digunakan di Pusat Perlindungan Muallaf Baitus Salam, Selangor. Kajian ini turut mempunyai beberapa signifikan.

Antaranya kajian ini dapat mengenal pasti dan menganalisis modul sedia ada yang digunakan di Baitus Salam. Seterusnya hasil kajian ini dapat mencadangkan penambahbaikan pembangunan modul pengajian mualaf bagi penghuni Pusat Perlindungan Muallaf Baitus Salam, Selangor bagi menambah baik modul sedia ada. Agensi yang terlibat seperti Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Agama Islam Negeri dan semua institusi yang terkait dengan pendidikan mualaf dapat memanfaatkan modul tersebut sebagai bahan rujukan atau teks pengajian masing-masing. Ini adalah kerana sehingga kajian ini dibuat, masih belum wujud suatu modul pendidikan mualaf yang komprehensif digunakan di Malaysia. Oleh itu, ia boleh dijadikan panduan kepada seluruh pusat pendidikan mualaf di negara ini.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian A: Demografi Responden

Jadual 1: Demografi Responden

Profil	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	14	63.6
Perempuan	8	36.4
Umur		
20-25	5	22.7
26-30	3	13.6
31-35	3	13.6
36-40	3	13.6
41-45	3	13.6
46-50	3	13.6
51 Ke atas	2	9.1
	3	13.6
Bangsa		
Melayu	5	22.7
Cina	14	63.6
Etnik Sarawak	1	4.5
Lain-lain Bangsa	2	9.1
Tahap Pendidikan		
Tiada Pendidikan Formal	6	27.3
Tamat Sekolah Rendah	3	13.6
LCE/SRP/PMR	3	13.6
MCE/SPM/SPMV/SPM (Terbuka)	8	36.4
Sijil Kemahiran	1	4.5
Diploma Lanjutan / Sarjana Muda	1	4.5
Status Perkahwinan		
Bujang	13	59.1
Berkahwin	3	13.6
Duda/ Bapa Tunggal	3	13.6
Janda/Ibu tunggal	3	13.6

Warganegara Malaysia		
Warganegara	20	90.9
Bukan warganegara	1	4.5
Penduduk tetap	1	4.5
Kekerapan Menghadiri Kelas dalam Seminggu		
3 Kali		
Lebih 3 Kali	21	95.5
	1	4.5

Berdasarkan analisis demografi responden, majoriti responden adalah lelaki iaitu 14 orang (63.6%), berumur 20-25 tahun seramai 5 orang (22.7%), berbangsa Cina seramai 14 orang (63.6%), tahap pendidikan adalah MCE/SPM/SPMV/SPM (Terbuka) seramai 8 orang (36.4%), status perkahwinan bujang iaitu 13 orang (59.1%), warganegara Malaysia seramai 20 orang (90.9%) dan kekerapan menghadiri kelas dalam seminggu adalah 3 kali sebanyak 21 orang (95.5%).

Bahagian B: Penilaian Terhadap Guru Yang Mengajar

Bil	Item	STS	TS	S	M	SM	Min	SP	Median
1	Guru mengajar mengikut silibus yang disediakan	-	-	1	7	14	4.59	0.59	4
2	Penyampaian guru dalam bahasa yang mudah difahami	-	2	1	6	13	4.36	0.65	4
3	Guru dapat menjawab soalan dari pelajar dengan baik	-	8	3	7	10	4.14	0.99	4
4	Guru mengajar dan melayan pelajar dengan baik	-	1	3	4	14	4.41	0.90	4
5	Guru membantu pelajar dalam memahami pembelajaran	-	-	4	10	8	4.18	0.733	4
6	Guru prihatin berkenaan kebajikan pelajar	-	1	1	7	13	4.36	1.049	4
7	Guru memberi motivasi belajar kepada pelajar	-	1	5	6	10	4.14	0.641	4
8	Guru menggunakan alat bantuan mengajar yang bersesuaian	-	-	2	8	11	3.95	0.653	3
9	Guru mencukupi maklumat yang dikehendaki oleh pelajar	-	-	2	8	11	4.43	0.676	4

Hasil kajian menunjukkan, majoriti responden berpuas hati terhadap guru yang mengajar di kompleks Baitus Salam. Keseluruhan item menunjukkan median lebih daripada 4 iaitu pada kedudukan memuaskan dan sangat memuaskan, kecuali pada item yang ke-8 bawah daripada nilai 4, tetapi sangat hampir kepada kedudukan Memuaskan.

Ini menunjukkan bahawa guru yang mengajar di Baitus Salam telah menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran dengan baik kepada pelajar, sehingga semua responden yang juga pelajar di Baitus Salam memberi respon yang sangat positif dan baik kepada guru-guru yang terlibat. Antara aspek yang boleh ditambah baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini adalah dengan menambah baik item ke-8 iaitu guru perlu menggunakan alat bantuan mengajar yang lebih efektif dan menarik supaya dapat meningkatkan kefahaman dan menarik minat para pelajar dalam kelas. Sebagai contoh, guru boleh menggunakan teknologi dalam proses pembelajaran dan aktiviti di dalam kelas supaya dapat menjadikan suasana pembelajaran lebih menarik.

Bahagian C: Penilaian Anda Tentang Modul Sedia Ada

Bil	Item	STS	TS	S	M	SM	Min	SP	Median
1	Modul yang digunakan sesuai dengan saya sebagai seorang Mualaf	1	3	2	3	13	4.06	1.30	4
2	Bahasa yang digunakan mudah difahami	-	8	1	5	8	3.59	1.33	3
3	Susunan modul sesuai dengan tahap kefahaman saya	1	-	2	8	10	4.24	0.99	4
4	Modul yang sedia ada terlalu tinggi untuk tahap kefahaman saya	2	2	2	4	11	3.95	1.39	3
5	Modul yang sedia ada perlukan penambahbaikan	1	1	3	8	8	4.00	1.09	4
6	Terdapat banyak penambahan yang perlu dilakukan	1	-	5	5	10	4.10	1.09	4
7	Modul banyak membantu saya memahami agama Islam	1	-	3	7	10	4.19	1.03	4
8	Modul yang digunakan sesuai dengan semua usia/umur	-	2	3	4	12	4.24	1.04	4

Hasil kajian menunjukkan, majoriti responden memberi maklum balas positif terhadap modul pengajian sedia ada yang digunakan di Baitus Salam. Nilai median kesemua item yang ditanya dalam Bahagian C adalah 4 iaitu pada kedudukan memuaskan, kecuali pada item 2 dan 4 yang mendapat nilai median 3, iaitu pada kedudukan Sederhana.

Secara keseluruhan, responden kajian menyatakan bahawa modul pengajaran yang digunakan di Baitus Salam adalah baik dan sesuai mengikut kefahaman dan peringkat umur semua golongan mualaf. Namun begitu, responden juga menyatakan bahawa modul sedia ada perlu dibuat penambahbaikan, di mana didapati bahawa responden menyatakan pada item ke-2, bahasa yang digunakan sederhana untuk difahami.

Oleh itu, berdasarkan hasil kajian ini, modul pengajian sedia ada yang digunakan di Baitus Salam perlu dibuat penambahbaikan agar ia mudah difahami dan lebih mesra kepada pelajar lebih-lebih lagi pelajar di Baitus Salam yang memiliki pelbagai latar belakang dan pelbagai lapisan umur.

Bahagian D: Penilaian Anda Tentang Fasilitas Dan Fleksibiliti

Bil	Item	STS	TS	S	M	SM	Min	SP	Median
1	Lokasi kelas sesuai dan mudah untuk dihadiri	-	-	-	4	17	4.81	0.40	4
2	Persekitaran di dalam kelas adalah bersih, selesa dan selamat	-	-	-	4	17	4.81	0.40	4
3	Peralatan kerusi, meja dan papan putih adalah mencukupi untuk keperluan pembelajaran	-	-	1	4	16	4.71	0.56	4
4	Jadual waktu kelas sangat sesuai dan memudahkan saya untuk hadir	-	1	3	4	13	4.38	0.92	4

Secara keseluruhan hasil kajian mendapati item dalam Bahagian D, majoriti responden telah berpuas hati dengan fasiliti dan fleksibiliti yang disediakan oleh pihak Baitus Salam kepada semua penghuni Baitus Salam. Keempat-empat item yang ditanyakan telah mendapat respon pada median 4 iaitu Memuaskan.

Oleh itu, bagi kategori fasiliti dan fleksibiliti adalah berada pada tahap yang baik, dan dicadangkan kepada pihak Baitus Salam supaya dapat mengekalkan serta menambah baik kemudahan

Analisis Modul Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Kelas Pengajian Muallaf di Pusat Perlindungan Baitus Salam Selangor

Faezy Adenan, Mohd Afandi Mat Rani, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Azri Bhari, Asmaa' Mohd Arshad & Siti Afifah Mat Rani

fasiliti dan fleksibiliti dari semasa ke semasa agar ia dapat memberi keselesaan kepada semua penghuni Baitus Salam.

PENUTUP

Kajian mendapati bahawa secara keseluruhan analisis awal berkaitan modul pengajaran dan pembelajaran di Baitus Salam berada pada tahap yang baik, namun perlu kepada beberapa penambahbaikan supaya modul tersebut menjadi lebih baik yang akan memudahkan para pelajar dalam kalangan muallaf memahami dan mengingat seterusnya mengamalkan ilmu-ilmu berkaitan agama Islam agar menjadi seorang Muslim yang terbaik. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar suatu kajian lanjutan yang lebih eksklusif dibuat khusus kepada pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan mengambil kira semua faktor dalam pembelajaran di Baitus Salam.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Lembaga Zakat Selangor (LZS) “Pembangunan Modul Pengajian Pusat Perlindungan Muallaf Baitus Salam” (PO/2019/0001592). Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang telah memberi peruntukan dan membiayai penyelidikan ini.

BIBLIOGRAFI

- Azman Che Mat, Azarudin Awang, Ruhaizah Abdul Ghani & Razali Musa. 2019. *Beberapa Istilah Terjemahan "Saudara Baru": Satu Analisis Komponen Makna*. Dalam Memperkasakan Potensi Mualaf Era Kontemporari (Suntingan Azri Bhari, Muhammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Faizah Mat Isa, Rozmi Ismail & Norizan Hassan. Peranan Sokongan Sosial Terhadap Kemurungan Dalam Kalangan Remaja Penagih Dadah, *Jurnal Psikologi Malaysia* 32 (3) (2018).
- Fatin Aliah Phang, Nurbina A. Shukor, Jaysuman Puspanathan, Noor Dayana Abd Halim, Zulkifli Khair, Sarina Sulaiman, Aminuddin Ruskam, Juhazren Junaidi, Ana Haziqah A Rashid, Mohd Fauzi Bin Bachok. 2019. *Edu-Mualaf: Platform Atas Talian Pembelajaran Asas Fardhu Ain Bagi Saudara Kita Di Johor*. Dalam Memperkasakan Potensi Mualaf Era Kontemporari (Suntingan Azri Bhari, Muhammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Hasanah Binti Abd Khafidz, Zulkefli Bin Ain & Nur Nazira Binti Rahim. 2019. *Kerangka Pembelajaran Atas Talian Secara Massive Open Online Course (MOOC) Mengenai Zakat*. Dalam Memperkasakan Potensi Mualaf Era Kontemporari (Suntingan Azri Bhari, Muhammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Marlon Puntino Guleng, Ahmad A'to' Mohktar, Mohd Hakim Arshad dan Siti Zahidah Mu'al. 2019. *Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Terhadap Islam dalam Kalangan Saudara Baru Etnik Iban di Sarawak*. Dalam Potensi Mualaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari (Suntingan Adibah Abd Wahab. Mohd Afandi Mat Rani dan Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Mawaddah Mohamad Mokhtar & Nur A'thiroh Masya'il Tan Abdullah. 2019. *Pendekatan Pendakwah Mualaf Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) kepada Mualaf di Ranau, Sabah melalui Dakwah Al-Hikmah*. Dalam Potensi Mualaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari (Suntingan Adibah Abd Wahab. Mohd Afandi Mat Rani dan Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Md Noor Bin Hussin, Kamal Azmi Bin Abd Rahman, & Rosni Binti Wazir. 2019. *Kajian Deskriptif Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Di Kalangan Mualaf*. Dalam Memperkasakan Potensi Mualaf Era Kontemporari (Suntingan Azri Bhari, Muhammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Zuhaili Kamal Basir, Mohd Shafik Mohd Samsi, Norizuandi Ibrahim & Nur Athiroh Masyaail Tan Abdullah. 2019. *Cabaran dan Pendekatan Dakwah Saudara Muslim dalam Kalangan Pendakwah Harakah Islamiah (HIKMAH): Kajian Kes di Mukah Sarawak*. Dalam Potensi Mualaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari (Suntingan Adibah Abd Wahab. Mohd Afandi Mat Rani dan Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Noranizah Binti Yusuf, Noor Ain Binti Mohd Noor, Aemy Bin Aziz & Saimi Bin Bujang. 2019. *Kepentingan Sokongan Sosial Dalam Pengukuhan Dan Pemantapan Akidah Golongan Mualaf*. Dalam Memperkasakan Potensi Mualaf Era Kontemporari (Suntingan Azri Bhari, Muhammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Nur A'Thiroh Masyaail Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham. Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari* 2 (2009) Hlm. 83-97.
- Nurayuni Adibah Abdullah, Mariam Abd. Majid, Noraini Mohamad & Suhailiza Md.Hamdani. 2019. *Persepsi Mualaf Terhadap Modul Pengajaran Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM) Daerah Hulu Langat, Selangor*. Dalam Memperkasakan Potensi Mualaf Era Kontemporari (Suntingan Azri Bhari, Muhammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.

Analisis Modul Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Kelas Pengajian Mualaf di Pusat Perlindungan Baitus Salam Selangor

Faezy Adenan, Mohd Afandi Mat Rani, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Azri Bhari, Asmaa' Mohd Arshad & Siti Afifah Mat Rani

Schwarzer, C., & Buchwald, P., (2004), Dlm. Spielberger, C. (Pnyt). *Encyclopedia Of Applied Psychology*, Vol. 3, Elsevier Academic Press: Amerika Syarikat.

Siti Rugayah Tibek. (2007). Pengurusan Dakwah Di Kalangan Wanita Sabah. Dalam *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia* (Suntingan Abdul Ghaffar Don, Berhanundin Abdullah & Zulkiple Abd Ghani) Bangi: Penerbit UKM.

Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar & Nur Uswah Ahmad Fauzi. Strategi Komunikasi Pemujukan Pendakwah Dalam Penyampaian Mesej Islam Kepada Masyarakat Orang Asli Di Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic And Contemporary Issues* (2019).